

Kos sara **hidup** 'dijangka lebih tinggi

UM 21 OCT 2001

Oleh **SITI NORSAFINAZ
SHEIKH MAZKAN**

KUALA LUMPUR 20 Okt. — Rakyat dijangka menanggung kos'sara hidup lebih tinggi akibat kesan menyeluruh kenaikan harga barangan pengguna ekoran peningkatan harga petrol dan diesel.

Pakar ekonomi yang juga Ketua Eksekutif Kolej Yayasan Melaka, Dr. Hamzaid Yahya berkata, sekiranya ia tidak dikawal, kadar inflasi akan meningkat dalam jangka panjang.

"Kesannya tidak bagus memandangkan ia merupakan bahan bakar utama yang bukan sahaja akan memberikan kesan terus kepada pengangkutan tetapi juga pengeluaran barangan lain yang menggunakan petrol.

"Saya khawatir, jika tidak dikawal betul-betul, ia akan menyebabkan kenaikan pada harga barangan kegunaan harian apabila orang ramai terpaksa membeli pada

harga lebih tinggi," katanya kepada *Mingguan* ketika dihubungi hari ini.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas pengumuman kenaikan harga runcit dan petrol sebanyak 10 sen seliter berkuat kuasa hari ini oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dalam pembentangan Belanjawan 2002, semalam.

Dr. Hamzaid berkata, kenaikan runcit itu juga memberikan peluang kepada para pengusaha mengaut keuntungan lebih besar memandangkan kos sebenar untuk bahan bakar itu adalah lebih kecil.

Beliau turut menyifatkan kenaikan itu lebih merupakan kesan psikologi yang membahayakan kepada mereka yang terbabit di dalam industri yang berkaitan dengannya.

Dr. Hamzaid yang juga pakar ekonomi berkata, kenaikan harga minyak bersama-sama pengumuman peningkatan 10 peratus dalam gaji kakitangan awal mulai

tahun hadapan yang akan mendorong pengusaha menaikkan harga barangan.

Kesan kenaikan harga barang yang dijangkakan itu adalah berdasarkan pengalaman yang dilihat pada masa-masa yang telah lepas, katanya.

"Bonus setengah bulan gaji juga tidak akan membantu kesan kenaikan ini.

"Pada peringkat awalnya, ya..., semua orang gembira tetapi kita harus fikir apa akan berlaku dalam jangka masa panjang," kata beliau lagi.

Ditanya sama ada penguatkuasaan ketat boleh membantu mengatasi kesan jangka panjang itu, Dr. Hamzaid bagaimanapun tidak fikir ia boleh dikawal.

Katanya: "Saya fikir ia agak sukar kerana kita sekarang berurusan dalam satu pasaran yang bebas.

"Selain pengusaha barangan pengeluaran dan minyak, teksi dan bas termasuk bas sekolah akan menaikkan tambang masing-masing," katanya.

32